

<b>Headline</b>	<b>WIRA KUCING TERANIAYA</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Harian Metro</b>		
<b>Date</b>	<b>01 Jul 2024</b>	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>
<b>Section</b>	<b>Setempat</b>	<b>Circulation</b>	<b>112,705</b>
<b>Page No</b>	<b>2,3</b>	<b>Readership</b>	<b>338,115</b>
<b>Language</b>	<b>Malay</b>	<b>ArticleSize</b>	<b>914 cm<sup>2</sup></b>
<b>Journalist</b>	<b>Nor Syazrina Muhamad Tahir</b>	<b>AdValue</b>	<b>RM 35,868</b>
<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>	<b>PR Value</b>	<b>RM 107,604</b>



BANYAK pengabaian dilakukan oleh sesetengah pemilik kucing dan anjing sehingga kesihatan dan kebaikan haiwan tidak terjaga.

Kerajaan perlu tegas dalam menangani isu penganiayaan haiwan. Jika pelaku membunuh kucing, mereka perlu dijatuhi hukuman yang setimpal.



# WIRA KUCING TERANIAYA

*Wanita sudah 15 tahun selamat haiwan jalanan didera individu tak berperikemanusiaan*

Oleh Nor Syazrina  
Muhamad Tahir  
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Pernah menyelamatkan kucing yang digunting ekor, dikorek mata dan kaki dipatahkan.

Ibu pengalaman tidak dapat dilupakan pencinta haiwan, Mastura Amanah yang aktif menyelamatkan kucing jalanan termasuk yang dianiaya secara kejam oleh individu tidak berperikemanusiaan.

Mastura, 41, berkata, mula menyelamatkan kucing sejak 15 tahun lalu namun terpaksa menghentikan usahanya itu pada 2020 kerana tiada pewaris untuk meneruskan legasi itu.

"Saya memulakan usaha ini dengan niat muahu menyekat pembiakan kucing jalanan dengan memandulkan mereka kerana saya berpandangan pembiakan tidak terkawal kucing jalanan ini mencetus kepada penganiayaan."

"Bagaimanapun, selepas 15 tahun melakukan usaha secara sukarela, saya terpaksa berhenti kerana tidak dapat mencari pengganti yang sesuai," katanya ketika diintervju di kediamannya di Kampung Melayu Frim, Kepong di sini, ba-

ru-baru ini.

Dia berkata, sepanjang terbabit dalam usaha menyelamatkan kucing, dia tidak mampu memikirkannya bagaimana ada individu tergantak menganiaya haiwan.

"Mereka cuma haiwan, bersifat kecil dan tiada daya untuk melawan balik, jadi kenapa sanggup untuk aninya mereka?"

"Kalau bersara mahu seksa mereka, cuba buat dulu dekat diri sendiri, mesti kita akan rasa sakit tetapi masih mampu pergi ke klinik. Kalau haiwan? Mereka tidak tau pergi ke klinik, apakah lagi bercakap mengenai keperitan sakit yang mereka tanggung," katanya.

Mastura berkata, banyak pengabaian dilakukan oleh sesetengah pemilik kucing sehinggakan kesihatan dan kebaikan haiwan tidak terjaga.

"Ada yang kami jumpa keadaan kucing sangat teruk dan ada juga yang buta."

"Kadang-kadang saya akan selamatkan kucing-kucing yang mempunyai sejarah penganiayaan. Ada antara mereka yang pernah digunting ekornya, dikorek mata, tempang dan sebagai-

<b>Headline</b>	<b>WIRA KUCING TERANIAYA</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Harian Metro</b>		
<b>Date</b>	<b>01 Jul 2024</b>	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>
<b>Section</b>	<b>Setempat</b>	<b>Circulation</b>	<b>112,705</b>
<b>Page No</b>	<b>2,3</b>	<b>Readership</b>	<b>338,115</b>
<b>Language</b>	<b>Malay</b>	<b>ArticleSize</b>	<b>914 cm<sup>2</sup></b>
<b>Journalist</b>	<b>Nor Syazrina Muhamad Tahir</b>	<b>AdValue</b>	<b>RM 35,868</b>
<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>	<b>PR Value</b>	<b>RM 107,604</b>



Saya memulakan usaha ini dengan niat mahu menyekat pembiakan kucing jalanan dengan memandulkan mereka kerana pembiakan tidak terkawal kucing jalanan cetus penganiayaan"

**Mastura**

nya," katanya.

Mastura menyifatkan tahap kesedaran masyarakat Malaysia dalam menangani isu penganiayaan haiwan di tahap teruk.

"Pendapat saya sendiri, pihak berkuasa haruslah meningkatkan program kesedaran seperti program pemandulan haiwan terutamanya kucing.

"Ramai orang tidak tahu memandulkan kucing itu penting untuk menjaga kesihatannya. Kita juga dapat membendung pertambahan kucing terbiar dan secara tidak langsung mengelakkan penganiayaan haiwan," katanya.

Sementara itu, rakannya, Norhazlin Ibrahim, 49, berkata, dia kecewa dengan pihak berkuasa yang sambil lewa dalam menangani kes penganiayaan haiwan.

"Undang-undang dan akta memang ada, cuma kita ada isu terhadap penguatkuasaan. Jika kita buat aduan, me-

reka akan ambil sambil lewa, tindakan mereka sangat lambat.

"Kerajaan perlu tegas dalam menangani isu penganiayaan haiwan. Jika pelaku membunuh kucing, mereka perlu dijatuhi hukuman yang setimpal," katanya kepada Harian Metro.

Menurutnya, penganiayaan haiwan boleh muncul daripada sekecil-kecil kes kepada sebesar-besarnya kes termasuklah pengabaian kebaikan dan kesihatan.

"Kalau rumah kita tidak besar, tidak perlulah membawa banyak kucing, mungkin tidak mampu dan kesihatan mereka juga akan terabai.

"Bila tidak dimandulkan, mereka akan beranak banyak, secara tidak langsung akan memberi kesan kepada kita yang tidak mampu se terusnya kita akan merasakan tekanan dan dari situ lah munculnya penganiayaan binatang," katanya.



MEMANDULKAN kucing dapat membendung pertambahan kucing terbiar.